



UCAPTAMA

YANG BERTHORMAT

**DATIN SERI PADUKA HAJAH HAYATI BINTI PEHIN ORANG
KAYA SHAHBANDAR DATO SERI PADUKA HAJI MOHD SALLEH**

PEGUAM NEGARA

SEMINAR UNDANG-UNDANG BAGI PEGAWAI-PEGAWAI AWAM:

Memahami undang-undang

dan

Pelancaran

“Musings from Chambers: Chambers Decoded”

pada

26 OKTOBER 2016

bertempat

INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM

Bismillahirrahmannirrahim.....

Assalamualaikum..wr..wb,

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Juanda bin A. Rashid, Peguamcara Negara, selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur.

Yang Mulia, Puan Hajah Norezan binti Haji Hambali, Pengarah Institut Perkhidmatan Awam

Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan,

Yang Mulia Tetamu-tetamu, peserta-peserta, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Izinkan saya memulakan ucapan dengan menyampaikan penghargaan saya yang setinggi-tingginya kepada Pengerusi dan Jawatankuasa Penganjur kerana menjemput saya hadir

pagi ini dan seterusnya menyampaikan Ucaptama. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan berterima kasih kepada Pengerusi dan jawatankuasa penganjur daripada Pejabat Peguam Negara dan Institut Perkhidmatan Awam atas usaha gigih mereka menganjurkan Seminar ini. Saya difahamkan Seminar ini disasarkan kepada pegawai-pegawai awam dan bertajuk “Memahami Undang-Undang”. Seminar ini memang penting dan tepat pada masanya, dan bagi menyokong beberapa titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang mengingatkan supaya perkhidmatan awam itu progresif, proaktif, cekap, dan bagi mempertahankan integriti perkhidmatan awam untuk memastikan ia mendapat kepercayaan yang merupakan kunci kepada kemajuan sosial dan ekonomi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Aspek undang-undang terhadap apa yang kita lakukan sebagai pegawai awam, sebenarnya, berpecah-pecah dan berpetak-petak dalam erti kata bahawa kita mula-mulanya dikehendaki melaksanakan kewajipan-kewajipan kita masing-masing di dalam skop tertentu, setakat mana yang dapat diiktiraf oleh undang-undang. Bagi merealisasikannya dianggap oleh banyak orang sebagai norma yang diharapkan, akan tetapi untuk membolehkannya selaras dengan aspek lain korelasi adalah lebih mustahak dalam hal itu.

Kerana itulah Seminar ini bukan sahaja mengenai 'kita' di Pejabat Peguam Negara tetapi lebih mengenai 'awda' dan 'kita' sebagai pegawai awam. Ia dirancang untuk mendekatkan awda kepada kami; dalam erti kata ia berfungsi sebagai pengenalan kepada landskap undang-undang asas dan am yang awda

mungkin menghadapinya semasa menjalankan tugas harian awda dengan harapan kita boleh memahami antara satu sama lain dengan lebih baik lagi dan dengan itu, bekerja antara satu sama lain dengan lebih baik lagi. Dalam perkataan lain, bantu kami untuk membantu awda.

Awda boleh sahaja bertanya Mengapa saya! Mengapa saya tidak boleh menyerahkannya sahaja undang-undang itu kepada peguam-peguam, atau menteri-menteri saya. Walau bagaimanapun, 'pengetahuan' undang-undang adalah salah satu komponen penting dalam memastikan hasil yang dikehendaki tercapai, meskipun banyak kepakaran lain dari disiplin lain diperlukan untuk memastikan keputusan boleh dilaksanakan dan diteruskan. Seminar ini bertujuan untuk memperkenalkan prinsip undang-undang am yang berhubungkait dengan pegawai awam bagi meningkatkan

pelaksanaan kewajipan dengan berkesan yang memerlukan seseorang itu supaya berada dalam batasan undang-undang. Saya amat menggalakkan para peserta untuk berinteraksi dengan penyampai-penyampai, dalam menyebarkan sebarang persoalan berkaitan yang mungkin bermanfaat untuk dikongsikan dengan peserta-peserta lain dan membawa balik pengetahuan yang awda perolehi di sini untuk organisasi awda. Kami juga mengalu-alukan maklum balas dan cadangan awda bagi penambahbaikan. Kami berharap awda akan meninggalkan Seminar ini dengan keinginan untuk memahami lagi undang-undang, atau keluar dengan mengatakan 'tidak akan menghadirnya lagi' tetapi sekurang-kurangnya kita boleh mengatakan kami telah mencuba!.

Juga marilah kita meneroka bagaimana maklumat disebar, terutamanya sejauh mana persepsi orang ramai

timbul. Dengan sebab itulah, saya sentiasa percaya tepatnya maklumat yang disebarkan akan menentukan tahap reaksi orang ramai yang berubah dan boleh diterima. Kumpulan kolektif yang berpengetahuan adalah dikehendaki untuk menyedarkan orang ramai mengenai inisiatif dan niat baik kerajaan. Semua pegawai kerajaan dengan yang demikian berkewajipan untuk melengkapkan diri mereka dengan sewajarnya.

Kandungan Seminar ini sememangnya adalah suatu gambaran jelas mengenai skop yang pegawai-pegawai di Pejabat Peguam Negara sudah terbiasa dengannya tetapi awda sebagai kakitangan awam, juga berkemungkinan menghadapinya semasa menjalankan tugas harian awda. Setiap seorang daripada kita mempunyai peranan yang berlainan, kebolehan yang berlainan, tetapi kita SEMUA

diamanahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menyumbang khidmat bakti kepada negara kita yang tercinta, Negara Brunei Darussalam. Oleh itu saya gembira kita mempunyai ramai pegawai daripada agensi-agensi yang berlainan, yang memegang tanggungjawab-tanggungjawab yang berlainan turut sama menghadiri Seminar ini yang akan meliputi banyak perkara, termasuk perkara-perkara Perlembagaan yang memperuntukkan asas tadbir urus pada amnya, termasuk kuasa mewujudkan, meminda dan memansuhkan undang-undang dalam rangka perundangan; aspek-aspek hubungan antarabangsa setakat mana yang berkenaan dengan Triti-Triti Antarabangsa dan obligasi; konsep penting Sistem Keadilan Jenayah dalam membawa kes-kes jenayah ke Mahkamah dan proses-proses yang diperlukan;

berbagai aspek yang memerlukan Litigasi Sivil dan kemungkinan menggunakan penyelesaian pertikaian alternatif yang diiktiraf sebagai jalan tambahan untuk menangani antara lainnya ganti rugi sivil.

Saya menggesa awda untuk mengikuti sesi Seminar ini dengan soalan-soalan seperti ini:- Mengapa Perlembagaan relevan kepada saya? Berapa banyak yang perlu saya ketahui? Undang-undang apa yang relevan kepada saya dan organisasi saya? Bilakah kita sepatutnya memberi arahan untuk menggubal undang-undang yang baru! Persiapan apakah yang sepatutnya kita buat bagi pelaksanaan yang berkesan?

Jika awda/agensi awda diberikan beberapa 'kuasa' di bawah undang-undang, setakat mana awda sepatutnya menggunakan budi bicara awda? Apa yang patut kita buat apabila kita menerima surat layang? Apa yang sepatutnya kita

sediakan apabila terdapat rayuan kepada Menteri saya? Negara Brunei Darussalam telah meratifikasikan Triti dan menteri-menteri kita telah menandatangani Memorandum Persefahaman. Apa lagi kan dibuat? Apakah contoh-contoh biasa tentang keadaan-keadaan yang mungkin saya hadapi dalam kerja yang boleh mendedahkan saya kepada kedudukan yang bercanggah dan liabiliti dan yang patut saya elakkan? Apa yang sepatutnya saya buat jika saya dipanggil ke mahkamah? Apakah jenis aturan-aturan pembelian yang perlu kita ketahui - bolehkah aturan-aturan itu dicabar? Penyimpanan rahsia dan perkongsian data, apakah batasan-batasan kepada dokumen dan perkongsian data? Tentang integriti: apa yang boleh dibuat dan tidak boleh dibuat, dalam GO, FR: Akta Pencegahan Rasuah dan undang-undang lain yang berkaitan.

Nampaknya adalah suatu kenyataan yang kurang benar untuk menggambarkan skop urusan undang-undang kita hanya sebagai perkara prosedur. Ia mempunyai satu implikasi yang lebih meluas yang melibatkan banyak perbincangan, percanggahan pendapat profesional dan usaha yang tidak berkesudahan dalam jangkaan untuk sama-sama mencapai hala tuju ke hadapan.. Suatu proses yang boleh jadi kompleks, akan tetapi penting dalam menghasilkan keputusan yang dihasratkan. Bagi mana-mana pegawai awam seperti awda sendiri yang telah terdedah kepada proses tersebut dalam peringkat kerjaya mereka, akan dapat mengatakan bahawa “pengalaman dipelajari” banyak sekali (dan ada kalanya menyakitkan). Walau bagaimanapun, saya boleh menjamin bahawa ini akan mendatangkan kepuasan dan cara apa yang lebih baik untuk memastikan kesinambungan kemajuan di

samping melengkapkan diri kita dengan pengetahuan dan kepakaran bagi menyumbang ke arah kebaikan Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang termaktub dalam wawasan negara 2035.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Yang Mulia Dato Peguamcara Negara dalam kata-kata aluannya telah menyebut pelancaran satu lagi penerbitan daripada Pejabat Peguam Negara bertajuk “Musings from Chambers: Chambers Decoded” bersempena dengan perasmian Seminar ini, saya juga telah menyumbangkan satu artikel, yang memaparkan perjalanan peribadi saya sendiri. Saya menggalakkan awda dan rakan sekerja awda membacanya. “The musings” bermaksud perspektif lebih ‘releks’ (riang) tentang pengalaman dan pelajaran yang diperolehi sepanjang berkhidmat, yang kami ingin kongsi

dengan awda. Pada menutupnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Institut Perkhidmatan Awam atas kerjasama dengan Pejabat Peguam Negara dalam mengungkayahkan Seminar ini dalam lingkungan batas kemudahan dewan kuliah yang lengkap ini. Ucapan terima kasih ditujukan juga kepada semua penyampai kerana sudi berkongsi ilmu. Juga kepada Jabatan Perdana Menteri dalam memberikan kerjasama sepanjang menganjurkan majlis, berserta pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara dalam usaha mereka yang tidak kendur-kendur bagi menjayakan majlis ini. Penghargaan juga diberikan kepada pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan kerana mencalonkan wakil-wakil mereka sebagai peserta dalam Seminar ini. Saya mengucapkan selamat berkhidmat dalam perkhidmatan awam dengan bermakna dan sepenuh hati. Seperti kata pepatah,

‘perfection may not be attainable but if we chase perfection, we can catch excellence (Vince Lombardi)’.

Semoga perjalanan kita dalam memperoleh dan berkongsi pengetahuan akan sentiasa dirahmati oleh Allah SWT. Amin
Amin Ya Rabbal Alamin.

Dengan kalimah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad
Salallahu Alaihi Wassalam, saya dengan sukacitanya
merasmikan Seminar Undang-Undang bagi Pegawai-Pegawai
Awam, Memahami Undang-Undang

وبالله التوفيق والهداية ، السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

~_~